

Telekung murah

Oleh Basir Zahrom
basir_zahrom@bh.com.my

► Serdang

Berdepan dengan kekangan kewangan yang berterusan mendorong Amirah Mohd Hafiz mencuba nasib dengan memulakan perniagaan menjual telekung lycra.

Biarpun pada awalnya agak goyah kerana bimbang perniagaannya tidak mendapat sambutan, pelajar Bacelor Sains Komputer (Sistem), Universiti Putra Malaysia (UPM) itu membulatkan tekad meneruskannya dengan bermodal RM200.

"Menggunakan modal kecil itu, saya keluar ke Kuala Lumpur mencari produk yang sesuai untuk diniagakan dan telekung lycra dipilih kerana saya yakin potensi pasaran yang cukup meluas.

"Usaha saya berbalas apabila telekung dijual mula mendapat permintaan tinggi pelanggan menyebabkan saya mula mempelbagaikan produk jualan seperti selendang

bidang besar, tudung bawal flora dan jubah lycra," katanya.

Selesa berniaga secara dalam talian menerusi akaun Instagram bymira-hafiz, beliau mengakui permintaan tinggi terhadap telekung menyebabkan semakin ramai yang memilih perniagaan itu.

Selesa dan menarik

Bagaimanapun, katanya, untuk bersaing dan memastikan telekung yang diperkenal di pasaran mendapat sambutan, beliau perlu mencari kelainan khususnya dalam warna dan keselesaan telekung yang dikehendaki.

"Saya menawarkan pelbagai pilihan warna dan kualiti kain yang bermutu iaitu 100 peratus lycra demi memastikan kepuasan setiap pelanggan."

"Setakat ini, maklum balas pelanggan amat positif dan tiada rungutan diterima, malah ada yang membeli berulang kali untuk pelbagai tujuan sama ada kegunaan sendiri atau hadiah kepada ahli keluarga dan rakan," katanya.

Amirah berkata, banyak pengalaman dipe-



Amirah menunjukkan **telekung lycra** yang dijualnya.

roleh sepanjang menjalankan perniagaan dan biarpun 'dihadiahkan' dengan keuntungan yang tidak seberapa, hal ini tetap memberi kepuasan kepada dirinya.

Katanya, pendedahan dan bimbingan diberikan Pusat Pembangunan Keusahawanan dan Kebolehpasaran Graduan (CEM) menerusi Bengkel Lab Minda Keusahawanan banyak membantu melancarkan perniagaannya.

"Selain penyediaan tapak niaga dengan kadar sewa yang berpatutan, CEM turut menawarkan khidmat nasihat kepada pelajar yang berminat dalam bidang perniagaan," katanya.

INFO

Produk jualan

Telekung lycra - RM50

Selendang bidang besar - RM10

Tudung bawal floral - RM20

Jubah lycra - RM100